

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 OGOS 2021  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 30

# Kerajaan prihatin bantu peneroka

Inisiatif sebahagian usaha mengembalikan kegemilangan FELDA

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Radzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil pendekatan proaktif untuk menyelesaikan isu berkaitan peneroka FELDA.

Baru-baru ini, pengumuman inisiatif pelarasan pinjaman peneroka telah dibuat, sekali gus membantu mengurangkan bebanan dan mewujudkan model pinjaman warga peneroka yang lebih mampan.

Pelupusan sebahagian hutang peneroka itu akan memudahkan cara proses penjanjian semula atau *restart* FELDA bagi mengembalikan semula kegemilangannya.

Naib Canselor Kolej Universiti Teknologi Sarawak (UCTS) yang juga geosir kedua FELDA Kejurong, Prof Dato' Dr Khairudin Ab Hamid, berkata beliau yakin pengumuman itu usaha ikhlas daripada kerajaan untuk membantu peneroka.

Katanya, usaha itu bukan sahaja datang daripada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, tetapi turut membantuan banyak pihak termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapha Mohamed; Pengerusi FELDA, Datuk Seri Idris Jusoh, pengurusan FELDA dan wakil

kepimpinan peneroka.

"Ini menunjukkan sebelum pengumuman inisiatif ini dibuat, halal perbincangan rapi serta pelbagai iban urus diadakan bagi mendapatkan fakta dan rupiah pelbagai pihak, terutama peneroka sendiri."

"Usaha serta komitmen begini jelas menzahirkan unsur keikhlasan untuk membantu peneroka FELDA, malah penerimaan inisiatif ini amat memberangsangkan," katanya.

Khairudin berkata, walaupun ada sisi kecil yang menyurarakan keimbangan terhadap inisiatif itu, kerajaan masih terbuka mendengar dan mengadakan sesi berdialog untuk mencari jalan alternatif.

"Ini sesuatu yang bagus kerana bukan bermakna apabila sesuatu pengumuman itu dibuat, tidak ada lagi ruang untuk berbincang. Ruang diberikan ini mampu membantu kerajaan mendapatkan lebih banyak input daripada peneroka sendiri," katanya.

Beliau juga Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan FELDA, percaya inisiatif pelarasan pinjaman peneroka itu membantu mengurangkan beban pinjaman peneroka FELDA ketika ini.

Katanya, pelarasan hutang yang akan dibuat juga sekali gus membantu mengurangkan dengan drastik jumlah bebanan.

"Dengan kadar bayaran kembali lebih rendah, generasi baru yang menjadi pentadbir mampu memberi tumpuan dengan lebihan tunai yang ada untuk mencebur bidang perniagaan, sekali gus meningkatkan pendapatan mereka terutama dalam situasi mencabar kini."

Inisiatif ini juga menggalakkan peneroka atau pentadbir yang mengusahakan sendiri ke-

bun mereka untuk menyerahkan pengurusan kebun kepada FELDA.

"Uni sebenarnya peluang lebih baik untuk mereka untuk menumpukan perhatian kepada sumber pendapatan lain kerana kebun sudah diuruskan FELDA dengan pendapatan yang stabil."

"Tambahnya pula pelbagai usaha sudah dilaksanakan FELDA untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi ladang terutama melalui aplikasi pertanian pintar," katanya.

Justeru, beliau berharap, peneroka FELDA menerima inisiatif itu dengan hati terbuka kerana ia adalah adil untuk semua.

"Uni sebenarnya yang kita mahu lakukan supaya setiap hasil tidak kira getah atau kelapa sawit, dianharti kepada FELDA dan FELDA akan bantu untuk jual dengan harga berpatutan serta hasil lebih tinggi apabila pengurusan lebih cekap dan produktiviti dapat ditingkatkan melalui ekonomi bidangan atau *economics of scale*," katanya.

Mengenai kesediaan FELDA yang berusaha menambah baik pelaksanaan inisiatif itu, Khairudin berkata, ia menunjukkan keterbukaan FELDA mendengar dan menerima setiap masalah yang dihadapi peneroka.

Malah katanya, usaha FELDA sudi mengadakan perbincangan dengan peneroka juga bertujuan untuk menyelesaikan sebarang isu berbangkit.

Khairudin berharap, inisiatif itu akan berjalan lancar dengan semua pihak termasuk peneroka dan pengurusan terus bergerak ke hadapan sebagai sebuah keluarga besar FELDA.

"Semua pihak juga tidak perlulagi memandang ke belakang untuk mencari kesalahan sesiapa atau memikirkan perkara yang

Apa yang penting adalah generasi baharu sekarang tidak melupakan asal-usul dan kesusahan pernah dilalui generasi terdahulu dengan kini sama-sama menyambung legasi itu menerusi semangat juang yang sama.

Khairudin Ab Hamid,  
Naib Canselor  
Kolej Universiti Teknologi Sarawak



Peneroka FELDA Kampung Sertik, Wan Banian Che Mat menandatangani perjanjian penghapusan pinjaman dengan rasa syukur dan berterima kasih kepada kerajaan.

tidak sepertinya lagi," katanya.

Namun beliau berkata, apa yang penting adalah generasi baharu sekarang tidak melupakan asal-usul dan kesusahan pernah dilalui generasi terdahulu dengan kini sama-sama menyambung legasi itu menerusi semangat juang yang sama.

Katanya, sebelum ini FELDA pernah dipandang sebagai model terbabit, malah cuba diinti oleh negara Afrika ketika itu.

"Bukan mudah untuk membungkung agenda FELDA - yang unik dan ternyata berhasil membantu mewaik taraf kaum Melayu daripada tiada harta dan pendidikan ketika itu sehingga menjadi maju."

"Oleh itu, generasi muda perlu selalu mengangkat prinsip kebersamaan dan pengabdian peneroka generasi pertama dan jika ada sebarang masalah, bersama berbincang dengan baik untuk mengelak perselisihan, faham yang akhirnya tidak memberi manfaat kepada sesiapa," kata-

Dalam pada itu, beliau sempat berkongsi, sebagai seorang tokoh akademik yang menempa kejayaan bermula dari bawah di kawasan rancangan FELDA, Khairudin berpesan bahawa kejayaan

perlu diiringi usaha gigih dan generasi baharu FELDA mesti bersedia meletakkan sepenumpuh usaha dan komitmen untuk berjaya dalam kehidupan mereka.


"Sebenarnya mereka boleh maju, cuma perlukan sedikit suntikan untuk membantu mereka tampil berkeyakinan, sekali gus membura stigma negatif yang ada," katanya.

Khairudin berkata, apa yang penting adalah mengetahui apa yang mereka minati, seterusnya mencari jalan untuk menggapainya.

Katanya, FELDA sentiasa sedia membantu generasi baharu dengan pelbagai inisiatif yang tersedia untuk mengembangkan bakat mereka.

"Generasi baharu tidak perlu mati tumpi ke hadapan untuk membantu diri sendiri berjaya dalam hidup dan berusaha menjadi *role model* supaya dapat menjadi contoh dan membanggakan generasi FELDA."

"Banyak peluang untuk belajar ketika ini dan jika kurang berminat dengan akademik, boleh memilih bidang komunitarian yang ketika ini semakin mendapat tempat, sekali gus boleh mengubah taraf sosioekonomi mediari lebih baik," katanya.



Zonan Aihori menentraman oleh duta FELDA Medoi sebelum menandatangani perjanjian.